

Pak Lah hargai jasa Mahathir

BH - 24/9/2004: 5 Perdana

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam merakamkan penghargaan dan terima kasih Umno kepada Tun Dr Mahathir Mohamad atas jasa dan perkhidmatan cemerlangnya kepada parti dan negara.

Menyampaikan ucapan dasarnya di perhimpunan agung Umno semalam, Perdana Menteri yang disahkan sebagai presiden baru Umno berkata, keputusan Dr Mahathir untuk bersara ketika berada di puncak kerjaya menunjukkan keikhlasannya yang tidak mahu terus berkuasa.

"Kita mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan mereka dan keluarga, terutamanya kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden Umno kelima yang hadir bersama Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di majlis ini.

"Dalam usia 58 tahun Umno, Tun Dr Mahathir mencatat sejarah sebagai Presiden Umno yang paling lama, memimpin Umno selama lebih 22 tahun. Dalam tempoh masa beliau memimpin Umno dan memimpin kerajaan, beliau telah membawa perubahan besar kepada pembangunan negara dan bangsa.

"Keputusan beliau mengundur diri ketika gagah berada di puncak kuasa adalah tanda bukti sifat ikhlas seorang negarawan yang tidak tamak kepada kuasa," katanya disambut tepukan gemuruh lebih 2,500 perwakilan dan pemerhati yang memenuhi Dewan Merdeka.

Dr Mahathir, yang pertama kali menghadiri perhimpunan agung Umno dalam tempoh 22 tahun, yang duduk di barisan depan di samping Dr Siti Hasmah, kelihatan terharu dengan sanjungan perwakilan itu.

Abdullah berkata, kepimpinan Umno, parti politik terbesar tanah air dengan keahlian sejumlah 3.2 juta orang telah bersilih ganti sejak mula diasaskan oleh Allahyarham Datuk Onn Jaafar.

"...dari Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum), Tun Abdul Razak Hussin (Allahyarham), Tun Hussein Onn (Allahyarham) dan Tun Dr Mahathir Mohamad, sebelum tanggungjawab pimpinan parti diserahkan kepada saya.

"Alhamdulillah, dalam perjalanan menempuh usia 58 tahun, Umno bertambah kukuh - bertambah matang. Kita terutang budi kepada



DR MAHATHIR dan Dr Siti Hasmah meneliti senarai calon MT yang bertanding pada Perhimpunan Agung Umno ke-55 di PWTC, semalam.

setiap seorang dari mereka yang telah mewariskan kepada kita Umno yang kukuh lagi matang. Kepada mereka yang telah kembali ke Rahmatullah, kita doakan semoga roh mereka berada di kalangan para solehin," katanya.

Perdana Menteri berkata, Umno juga merakamkan setinggi penghargaan kepada mereka yang pernah memimpin Umno dan kini memilih mengundurkan diri daripada barisan kepimpinan.

"Walaupun begitu, mereka kekal aktif dan cekal bersama menyokong usaha kita. Perkhidmatan, jasa bakti dan pengorbanan mereka amatlah berharga, kekal terukir dalam ingatan - kekal terpahat dalam kenangan," katanya.



MUKHRIZ mencium tangan bapanya, sambil diperhatikan ibunya ketika bertemu sebelum bermulanya upacara perasmian Perhimpunan Agung Umno, semalam. - Gambar Bernama



ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood bersalaman dengan Dr Mahathir sambil diperhatikan Dr Siti